

**Syarat-Syarat Kelulusan Lesen Premis: Menjual Nombor Ramalan**

1. Lesen ini sah sehingga 31 Disember 2009 dan hendaklah diperbaharui apabila tamat tempohnya.
2. Pelesen hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian Majlis Daerah Selama 1984 dan Undang-Undang Kecil Kebersihan Awam Majlis Daerah Selama 1985.
3. Pelesen hendaklah sentiasa menjaga premis berlesennya (termasuk longkang) supaya berada dalam keadaan bersih.
4. Pelesen tidak boleh membenarkan cecair kotor atau lain-lain bahan-bahan mengganggu dilonggok, ditumpah atau diserak ke dalam longkang atau lain-lain tempat.
5. Pelesen hendaklah mengadakan tong sampah yang cukup untuk menyimpan sampah.
6. Pelesen hendaklah memastikan yang keadaan bersesak-sesak tidak berlaku.
7. Pelesen hendaklah memastikan bahawa Kehendak Kebombaanan dipatuhi (kelengkapan menentang kebakaran yang cukup dipasang )
8. Pelesen tidak boleh membakar bahan-bahan pembakar atau sampah sarap secara terbuka.
9. Pelesen hendaklah memastikan tidak menyebabkan gangguan lalulintas.
10. Sebarang papan tanda atau kain rentang yang hendak dipasang hendaklah dirujuk kepada Majlis terlebih dahulu.
11. **Papan tanda berikut dengan huruf berukuran tidak kurang dari 1" x 1" hendaklah dipamerkan dengan jelas di luar kaunter penjualan tiket pertaruhan nombor ramalan:**
  - 11.1 **JUDI ADALAH HARAM DI SISI AGAMA ISLAM**
  - 11.2 **ORANG-ORANG ISLAM, MEREKA YANG BERUMUR DI BAWAH 21 TAHUN TIDAK DIBENARKAN MEMASUKI PREMIS/RUANG INI**
  - 11.3 **WAKTU PERNIAGAAN IALAH DARI JAM 8.00 PAGI HINGGA JAM 7.00 MALAM.**
12. Mematuhi arahan Yang Dipertua Majlis Daerah Selama dari masa ke semasa.

*Pelanggaran mana-mana syarat di atas adalah suatu kesalahan dan boleh dikenakan kompaun*

Dengan perintah,

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH SELAMA**